

## **MAKLUMAT YANG BOLEH DAN TIDAK BOLEH DIAKSES**

Tidak semua maklumat yang dipegang oleh Jabatan-Jabatan Kerajaan Negeri boleh diberikan akses kepada orang awam.

Menurut Enakmen, antara maklumat-maklumat Kerajaan Negeri yang dikecualikan daripada akses oleh orang awam adalah seperti berikut:-

- i. Maklumat SULIT atau RAHSIA di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 yang sekiranya didedahkan akan menjelaskan dengan serius keselamatan negara atau pertahanan negara;
- ii. Maklumat yang diperoleh daripada pihak ketiga dan menyampaikannya boleh menyebabkan satu tindakan pecah kerahsiaan yang boleh didakwa/ menjelaskan dengan teruk kepentingan komersil pihak ketiga;
- iii. Maklumat yang diperoleh secara rahsia daripada negeri atau organisasi antarabangsa, dan menyampaikannya mungkin, menjelaskan dengan teruk hubungan dengan negeri atau organisasi antarabangsa tersebut;
- iv. Maklumat jika sekiranya didedahkan boleh menjelaskan dengan teruk perumusan dasar yang berkesan atau pembangunan Kerajaan Negeri; dan
- v. Maklumat persendirian orang ketiga, kecuali mendapat kebenaran orang tersebut.

Walau bagaimanapun, maklumat-maklumat yang dikecualikan di atas boleh diberikan akses sekiranya:-

- i. Kepentingan awam di dalam pendedahan melebihi bahaya pendedahannya;
- ii. Maklumat itu diperlukan bagi penyiasatan kesalahan atau salah laku; dan
- iii. Maklumat berkaitan dengan apa-apa perkara atau kejadian yang berlaku lebih dua puluh (20) tahun yang lalu sebelum permohonan dibuat oleh pemohon.

**FI**

Fi atau bayaran yang dikenakan ke atas pemohon yang mengemukakan permohonan untuk mendapatkan maklumat di bawah Enakmen ini adalah diringkaskan seperti berikut:-

### **1- Fi yang perlu dibayar semasa mengemukakan permohonan:**

**RM 12.00** (iaitu **RM2.00: fi permohonan dan RM10.00: deposit fi pemprosesan**) – tidak akan dikembalikan sama ada permohonan berjaya atau ditolak

### **2- Fi yang perlu dibayar selepas pemprosesan permohonan selesai:**

**Baki fi pemprosesan (selepas ditolak deposit fi pemprosesan)** yang dikira, antara lainnya, seperti di bawah:-

- i. Fotokopi : RM0.20 setiap muka surat (fotokopi hitam putih bersaiz A4); dan
- ii. Fi-fi lain seperti sewaan peralatan, caj penghantaran dan lain-lain: Berdasarkan kos sebenar.

### **MAKLUMAT LANJUT**

Maklumat lanjut boleh didapati di laman web Kerajaan Negeri Selangor [www.selangor.gov.my](http://www.selangor.gov.my).

Sebarang pertanyaan / cadangan boleh dialamatkan kepada **Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Tingkat 3, Bangunan SSAAS, 40503 Shah Alam, Selangor** atau emelkan kepada [foi@selangor.gov.my](mailto:foi@selangor.gov.my) atau hubungi talian 03-55447671 / 03-55212291.



**KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

# **PANDUAN MEMBUAT PERMOHONAN UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT MENURUT ENAKMEN KEBEBASAN MAKLUMAT (NEGERI SELANGOR) 2011**



## **PENGENALAN**

Enakmen Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2011 telah berkuatkuasa mulai 5 Mac 2013. Enakmen ini memberikan peluang kepada orang ramai (individu atau organisasi) untuk mendapatkan akses kepada maklumat-maklumat berkaitan sebarang perkara di bawah kuasa Jabatan-Jabatan Kerajaan Negeri Selangor melalui permohonan bertulis yang dikemukakan kepada Jabatan-Jabatan yang berkenaan.

### **Aliran Kerja Permohonan:**

#### **Permohonan Untuk Mengakses Maklumat**

Borang permohonan untuk mengakses maklumat dikemukakan kepada Jabatan beserta fi permohonan (RM2) dan deposit fi pemprosesan (RM10);



#### **Penerimaan Permohonan**

Pegawai Maklumat Jabatan mengaku terima permohonan dan memberikan sesalinan akuan terima kepada pemohon;



#### **Pemprosesan Permohonan**

Pemprosesan permohonan oleh Pegawai Maklumat akan dibuat dalam tempoh masa 30 hari dari tarikh akuan terima permohonan;



#### **Maklum Balas Permohonan**

Maklum balas bertulis (sama ada permohonan diluluskan atau ditolak) dikemukakan kepada pemohon dalam tempoh masa pemprosesan permohonan;



#### **Akses Kepada Maklumat/Rayuan Kepada Badan Maklumat Negeri**

Sekiranya permohonan diluluskan, pemohon akan diberikan akses kepada maklumat selepas pembayaran penuh fi pemprosesan dibuat.

Sekiranya permohonan ditolak dan pemohon tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, rayuan boleh dikemukakan kepada Badan Maklumat Negeri dalam tempoh masa 21 hari dari tarikh penerimaan keputusan.

## **BAGAIMANA MEMBUAT PERMOHONAN?**

Anda boleh membuat permohonan untuk mendapatkan maklumat dengan mematuhi prosedur-prosedur berikut:-

- i. Mengenalpasti maklumat yang ingin dipohon dan Jabatan Kerajaan Negeri Selangor yang mempunyai bidang kuasa ke atas maklumat berkenaan;
- ii. Mengisi dengan lengkap borang permohonan, iaitu **Borang A Jadual Pertama kepada Peraturan-Peraturan Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) (Akses Kepada Maklumat) 2012.**
  - Nyatakan dengan jelas maklumat yang dipohon beserta alasan dan tujuan permohonan; dan
  - Alamat surat-menyerat pemohon hendaklah disertakan.

(Borang permohonan ini boleh didapati di kaunter utama Jabatan-Jabatan atau muat turun di laman web Kerajaan Negeri Selangor [www.selangor.gov.my](http://www.selangor.gov.my).)

- iii. Menyerahkan borang permohonan yang telah lengkap diisi secara serahan tangan kepada pegawai di kaunter utama Jabatan yang berkenaan beserta bayaran tunai RM12.00.
- iv. Mendapatkan surat akuan penerimaan permohonan beserta resit pembayaran daripada pegawai yang bertugas.

## **TEMPOH MASA PEMPROSESAN PERMOHONAN**

Pemprosesan permohonan oleh Pegawai Maklumat Jabatan dibuat dalam tempoh masa **30 hari** dari tarikh akuan terima permohonan bagi permohonan biasa. Sekiranya permohonan melibatkan nyawa atau kebebasan individu ia akan diproses dalam masa **tujuh (7) hari** dari tarikh akuan terima permohonan tersebut.

## **MAKLUM BALAS PERMOHONAN**

Anda akan menerima maklum balas kepada permohonan (sama ada permohonan diluluskan atau ditolak) daripada Jabatan dalam tempoh masa pemprosesan permohonan seperti dinyatakan di atas.

## **AKSES KEPADA MAKLUMAT**

Sekiranya permohonan untuk mendapatkan maklumat diluluskan oleh Pegawai Maklumat Jabatan, anda akan dibenarkan untuk mengakses maklumat tersebut mengikut kaedah akses yang bersesuaian dengan maklumat yang dipohon.

Akses kepada maklumat hanya akan diberikan selepas pembayaran penuh baki fi pemprosesan dibuat.

## **RAYUAN KEPADA BADAN MAKLUMAT NEGERI**

Sekiranya permohonan ditolak dan anda tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, rayuan boleh dikemukakan kepada Badan Maklumat Negeri dalam tempoh masa **21 hari** dari tarikh penerimaan keputusan tersebut.

(Notis rayuan boleh dimuat turun dan maklumat berhubung prosedur rayuan boleh didapati di laman web Kerajaan Negeri Selangor [www.selangor.gov.my](http://www.selangor.gov.my))